

01/05/1997

Myanmar: Usaha AS gagal

SINGAPURA, Rabu - Usaha Amerika Syarikat memujuk negara-negara jiran Myanmar supaya tidak menerima Yangon sebagai anggota Asean, gagal mencapai matlamat yang diharapkan.

Minggu lalu, Amerika mengharamkan pelaburan baru syarikatnya di Myanmar sebagai mengutuk pencabulan hak asasi manusia oleh Majlis Pemulihan Undang-undang dan Ketenteraman Negara (SLORC) yang memerintah Myanmar dan penindasan terhadap pergerakan demokrasi pimpinan pemenang Hadiah Nobel Keamanan, Aung San Suu Kyi.

Selepas itu, jurucakap Jabatan Negara Amerika, Nicholas Burns, berkata Washington kini melobi anggota Asean supaya tidak menerima Myanmar sebagai ahli tahun ini.

"Kami kini menggunakan pengaruh kami dengan Asean untuk menekankan hakikat bahawa Myanmar harus diberikan peringatan tegas bahawa ia tidak diterima," kata Burns.

Beliau juga menyifatkan rekod hak asasi manusia Myanmar sebagai 'sungguh teruk dan tidak bertanggungjawab.'

Seperti yang diramalkan, penyokong berusaha memasukkan Myanmar dalam Asean mengesahkan kesungguhan mereka untuk melihat Yangon - serta Kemboja dan Laos - menyertai pertubuhan serantau itu.

"Kami akan berusaha bersungguh-sungguh untuk menerima Myanmar sebagai anggota Asean," kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga pengerusi Asean sekarang.

Diplomat Asean, yang enggan memberitahu nama atau negara mereka, berkata seandainya tidak berlaku perang saudara di Kemboja atau pembunuhan beramai-ramai di Myanmar, tiga negara Indochina itu akan menyertai Asean ketika pertubuhan itu meraikan ulang tahunnya ke-30, Julai depan.

Beberapa percubaan Washington sebelum ini untuk memujuk Asean menolak Myanmar gagal mencapai kejayaan yang diharapkan.

Asean menentang campur tangan dalam politik dalaman negara-negara jirannya, serta menegaskan bahawa 'dialog membina', dan bukan pemencilan, adalah cara terbaik untuk melihat perubahan.

Langkah terbaru Amerika juga ditolak oleh sesetengah pihak di Asia, selain disifatkan sebagai berunsur paksaan. - AP

(END)